

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Kukuhkan Prestasi Sektor Perindustriannya dengan The Twin Factories di Elmina Business Park

- *The Twin Factories* merupakan fasa pertama bagi kilang-kilang berkembar yang siap dibina di Elmina Business Park, Sungai Buloh;
- Elmina Business Park yang sedang berkembang pesat akan memperkenalkan lebih banyak aset perindustrian yang menarik serta tawaran istimewa yang lain.

ARA DAMANSARA, 27 SEPTEMBER 2023 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mengukuhkan lagi kedudukannya dalam pembangunan perindustrian Malaysia dengan *The Twin Factories* yang siap dibina di Elmina Business Park.

Sime Darby Property telah menganjurkan acara *networking* yang dihadiri oleh 150 pemilik perniagaan dan pelabur tanah perindustrian dan kilang Elmina Business Park. Tarian singa juga telah diadakan untuk merasmikan kilang-kilang baru di perbandaran terkemuka itu.

The Twin Factories merangkumi 40 unit berkembar (‘semi-detached’), dengan saiz lot 70’ x 160’ dan 70’ x 150’ yang mempunyai keluasan binaan bermula daripada 6,000 kaki persegi. Dilancarkan pada September 2020 dengan harga RM3.4 juta seunit, *The Twin Factories* mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (“GDV”) berjumlah kira-kira RM145 juta dan merekod kadar pengambilan 100%.

Ketua Pegawai Operasi – Pembangunan Perbandaran Sime Darby Property, Appollo Leong berkata selain daripada lokasinya yang strategik, Elmina Business Park meningkatkan standard untuk taman perindustrian dengan rangkaian infrastruktur dan perhubungan yang tiada tandingan serta fleksibiliti untuk perniagaan pelbagai saiz berkembang.

“Acara pembukaan itu menandakan penghargaan Sime Darby Property terhadap pelanggan industri kami, serta memberi peluang untuk kami mempamerkan kualiti binaan dan persekitaran Elmina Business Park sambil memahami pasaran industri melalui sesi ‘*networking*’,” kata Appollo.

Tambahnya: “Persekitaran holistik serta lokasi dan perhubungan yang baik menjadikan Elmina Business Park tumpuan para peniaga dan pelabur. Dengan struktur jalan raya yang luas dan dua persimpangan utama, Elmina Business Park direka untuk memastikan kecekapan logistik dan menggalakkan persekitaran mesra perniagaan, menjadikannya perbandaran perindustrian yang akan membantu mengukuhkan kedudukan utama Syarikat dalam sektor pembangunan perindustrian.”

Dengan keluasan 1,500 ekar, Elmina Business Park merupakan taman perindustrian pegangan bebas yang terbesar di Lembah Klang dan pelan induk (‘masterplan’) industri berorientasikan kesejahteraan pertama di Malaysia dengan GDV berjumlah kira-kira RM6.4 bilion. Ia merangkumi

ekosistem perindustrian lengkap yang menawarkan infrastruktur 5G, taman rekreasi, tempat bersukan dan cadangan untuk pusat sokongan perniagaan.

Sejak penubuhannya pada 2019, Elmina Business Park telah menjual 168 unit kilang. Setelah siap sepenuhnya, Elmina Business Park dijangka mempunyai 1,300 unit kilang dan mewujudkan 35,000 peluang pekerjaan menjelang 2035.

Syarikat kini sedang bersedia untuk melancarkan Peringkat 2 kilang-kilang binaan fleksibel Elmina Business Park serta fasa pertama pejabat kedai komersial. Turut dalam perancangan adalah pembinaan persimpangan kedua dari Lebuhraya Koridor Guthrie yang menawarkan sambungan terus ke Elmina Business Park, berserta penyelesaian tenaga mampan dalam perbandaran perindustrian itu.

Sejajar dengan Matlamat Syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet, Sime Darby Property berada di landasan yang tepat untuk merubah daripada sebuah pemaju harta tanah *pure-play* kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, dengan tumpuan untuk menjadi pemaju utama, pembina komuniti serta pengurus pelaburan dan aset.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com